

Interaksi Mualaf India dengan Keluarga Bukan Islam Ketika Sambutan Perayaan Agama Hindu

Interaction of Indian Muslim Convert with Non-Muslim Family during Hindu Religious Celebrations

MOHD FAQIH BAHARUDIN
ZULIZA MOHD KUSRIN

ABSTRAK

Setiap agama dan bangsa di dunia memiliki perayaan yang tersendiri disambut pada hari dan tarikh tertentu. Perayaan masing-masing disambut penuh kemeriahian yang mengandungi pelbagai amalan adat dan ibadat untuk dilakukan oleh penganutnya. Bagi masyarakat Islam dilarang oleh syarak untuk menyerupai upacara sambutan perayaan agama lain kerana boleh membawa kepada kerosakan aqidah umat Islam. Mualaf yang sudah memeluk Islam sudah tentu berhadapan situasi yang berbeza kerana mereka mempunyai ahli keluarga bukan Islam, perbezaan agama membawa mualaf kepada perubahan amalan yang perlu dipatuhi mengikut tuntutan syarak. Justeru objektif kajian ini adalah untuk menganalisis interaksi mualaf India dengan ahli keluarga bukan Islam ketika menjelang sambutan perayaan. Kajian ini berbentuk kualitatif kajian kepustakaan dan temu bual separa struktur yang dipilih secara bertujuan, terhadap 20 orang mualaf India agama asal Hindu yang mengikuti kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (KDH) Kuala Lumpur. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati tiga jenis interaksi mualaf India dengan keluarga bukan Islam menjelang sambutan perayaan Hindu ialah, pertama sebahagiannya masih lagi menyambutnya bersama ahli keluarga bukan Islam tanpa terlibat aktiviti keagamaan, keduanya terdapat juga yang hanya hadir menziarahi sahaja tanpa menyertai perayaan tersebut dan ketiganya terdapat juga mualaf India yang sudah tidak menyertai sambutan perayaan tersebut dengan cara tidak berhubungan dan tidak menziarahi ahli keluarga bukan Islam mereka. Implikasi kajian meunjukkan mualaf India di KDH memahami perkara yang dilarang oleh Islam semasa berinteraksi dengan keluarga bukan Islam, dalam sambutan hari perayaan.

Kata kunci: Interaksi; mualaf India; keluarga; perayaan; Islam

ABSTRACT

Islam encourages harmonious family interaction between a mualaf with his non-Muslim family, provided it does not contradict any Islamic teachings. Muslims are prohibited from celebrating religious ceremonious of other religions, because it could affect their belief in Islam. Muslim converts occasionally encounter this difficult situation as they still have to interact with their non-Muslim family. The difference in religious belief leads them to change their interaction practices in order to adhere to the Islamic concept of faith (Tawhid). Thus, this study analyses Indian mualaf interaction with their non-Muslim family during the celebration of Hindu religious celebration. This is a qualitative research using content analysis and semi-structured interview. 20 respondents were selected through purposive sampling among mualaf Indian men and women, who were Hindus, attending classes at Kompleks Darul Hidayan (KDH) Kuala Lumpur and have converted to Islam for at least a year. Data collected were analysed descriptively and thematically. Research results find that some of the Indian mualaf visited their non-Muslim family members during the Hindu religious celebration day but did not participate in any Hindu religious ceremony. Some of them did not even contact or visit their non-Muslim family members. The research implication shows that the Indian mualaf at KDH understand the proper Islamic method of interaction with their non-Muslim family during Hindu religious celebration.

Keywords: interaction; Islam; Indian mualaf; family; religious celebration

PENDAHULUAN

Interaksi sosial merupakan satu proses di mana individu memperhatikan, meresponkan terhadap

individu lain, sehingga direspon dengan suatu tingkah laku tertentu (Mar'at 2008). Menurut Walgito (2008) pula, interaksi sosial ialah hubungan antara satu individu dengan individu yang lain,

satu individu yang mempengaruhi individu yang lain atau sebaliknya, sehingga wujudnya hubungan timbal-balik. Hubungan tersebut dapat terjadi antara individu dengan individu, individu dengan kelompok atau kelompok dengan kelompok. Berdasarkan kedua pendapat di atas, interaksi dalam keluarga adalah hubungan timbal balik, saling mempengaruhi yang terjadi antara individu. Dalam penelitian ini, yang dimaksudkan interaksi dalam suatu keluarga iaitu hubungan yang berlangsung antara ibu dan ayah, ibu dan anak, ayah dan anak, dan antara anak (Indrati 2014).

Perbincangan tentang interaksi dengan golongan berlainan agama sudah semestinya memerlukan kaedah yang tepat bagi menjaga keharmonian kedua-dua pihak, agar tidak menimbulkan sebarang masalah kelak. Tambahan pula, interaksi mempamerkan imej buruk atau baik seseorang, begitulah juga apabila orang Islam berinteraksi dengan golongan bukan Islam ia menjadi satu pemerhatian terhadap imej Islam itu sendiri. Oleh itu, umat Islam berkewajipan berinteraksi dengan kaedah yang betul mengikut asas Islam.

Dalam sejarah Islam telah membuktikan bahawa interaksi yang baik antara umat Islam dan bukan Islam sudah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Menurut al-Qardhawi (2002) sirah Nabawiyah memaparkan hubungan baik Rasulullah SAW dengan orang bukan Islam melalui tindakan baginda mengupah Abdullah bin Uraiqith, seorang musyrik sebagai penunjuk jalan pada waktu hijrah. Disebabkan itu, para ulama mengatakan seseorang kafir bukanlah bererti ia sama sekali tidak boleh dipercayai dalam setiap hal. Ini kerana tidak ada yang lebih bahaya dari pekerjaan menunjukkan jalan, apa lagi seperti jalan hijrah ke Madinah, namun Nabi SAW telah mempercayai orang kafir untuk menunjukkan jalan hijrah tersebut. Begitu juga, dengan kisah Nabi menziarahi pembantunya yang sakit, seperti mana ḥadis Nabi SAW:

Seorang anak muda Yahudi yang menjadi pembantu Nabi sakit, lalu Nabi menjenguknya, kemudian baginda bersabda: Masuk Islamlah! anak muda itupun masuk Islam

(al-Bukhari 1356).

Dalam konteks interaksi melibatkan hubungan kekeluargaan pula, sejarah Islam juga mencatatkan bahawa Nabi pernah berinteraksi dengan ahli keluarganya yang bukan Islam iaitu Rasulullah SAW mendoakan kepada bapa saudaranya Abu Talib sebagaimana ḥadis Nabi SAW:

Nabi s.a.w mengajak bapa saudaranya Abu Talib kepada Islam, namun dia meninggal sebelum menyahutnya. Maka berkata nabi: Aku berdoa keampuan dari Allah untuknya apa-apa yang dia tidak berdoa (semasa hayatnya)

(al-Bukhari 3884)

Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik, hubungan yang baik dan jitu antara anggota masyarakat Islam dan bukan Islam adalah sangat penting. Tambahan lagi, amalan pemelukan Islam dalam kalangan etnik di Malaysia juga sudah menjadi kebiasaan. Disebabkan itu, pemelukan Islam oleh seseorang akan mengubah cara hidup dan menukar sistem kepercayaannya kepada rukun-rukun Iman dan Islam (Latifah 2012). Tidak dinafikan kesan pertukaran agama tersebut telah menimbulkan isu dalam kalangan mualaf dengan keluarga bukan Islam. Menurut Anwar Puteh (2002) wujudnya pelbagai masalah yang dihadapi oleh mualaf selepas memeluk Islam seperti emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi dan sebagainya. Zul Aimah (2018) menjelaskan mualaf menghadapi masalah dengan amalan-amalan yang dilakukan oleh keluarga bukan Islam. Menurut Azarudin Awang et al. (2017) masalah sering dihadapi oleh mualaf dengan keluarga bukan Islam adalah sukar memahami soal-soal yang berkaitan dengan rutin kehidupan sehari-hari seperti makan minum, sambutan perayaan, pengurusan jenazah dan sebagainya. Ini bermakna isu sambutan perayaan keluarga bukan Islam tidak boleh dianggap mudah kerana ia meberi kesan kepada konflik yang berlaku dalam kalangan mualaf.

Sambutan perayaan merupakan suatu budaya asas yang terkandung pelbagai adat dan budaya bagi kehidupan setiap masyarakat yang mempunyai agama di dunia. Justeru dalam konteks sambutan perayaan melibatkan keluarga berlainan agama, mualaf perlu membina persefahaman yang jelas dengan ahli keluarga. Namun Norizan Yusof & Nadiyas Elias (2019) menjelaskan bahawa mualaf mempunyai masalah paling besar ketika menyesuaikan diri dengan keluarga bukan Islam dalam upacara sosial. Menurut Mohd Farhan et al. (2014) walaupun perayaan dan sambutan hari kebesaran agama disambut secara bersama memberi implikasi yang positif dalam perpaduan kaum, namun dari satu aspek yang lain mampu memberi kesan negatif khususnya terhadap aqidah orang Islam. Ini kerana Islam telah menggariskan asas interaksi sosial yang tepat antaranya larangan *tasyabbuh* dengan orang bukan Islam dalam amalan perayaan mereka.

Artikel ini menfokuskan kepada konsep interaksi mualaf etnik India dengan keluarga bukan Islam dalam aspek perayaan Hindu, bagi menganalisis aspek interaksi mereka dengan keluarga bukan Islam dalam hal ehwal menyambut perayaan agama, memberi ucapan tahniah dan selamat serta memberi hadiah semasa perayaan. Isu ini penting untuk dibincang bagi menjelaskan perkara halal haram dalam hubungan interaksi mereka. Matlamat hubungan semula perlu dijalinkan ialah untuk memupuk hubungan kasih sayang dan meraikan ‘kekeliruan’ persoalan-persoalan adat, budaya dan agama dalam kalangan ahli keluarga bukan Islam (Redzuan 2012). Oleh itu bagi memahami naratif kehidupan mualaf, adalah penting terlebih dahulu memahami isu-isu pertukaran agama tersebut (al-Adib Samuri & Azlan Nabees Khan 2020). Ini kerana Islam hanya mengiktiraf kewujudan perbezaan agama tetapi Islam tidak mengiktiraf kebenaran agama-agama lain, sama seperti agama Islam (Nur Farhana et al. 2019).

PENSYARIATAN MENYAMBUT PERAYAAN AGAMA BUKAN ISLAM

Selepas daripada pemelukan Islam seseorang ‘Saudara Baru’ yang digelar sebagai mualaf akan menghadapi fasa baharu dalam kehidupan. Ini kerana kesan pemelukan Islam sedikit sebanyak membawa perubahan dalam corak kehidupan mualaf (Azaruddin dan Khadijah 2015). Perubahan yang terjadi termasuklah dalam hubungan kekeluargaan yang mana mualaf perlu berinteraksi dengan ahli keluarga yang sudah berbeza agama. Bagaimanapun hubungan kekeluargaan tidak akan terputus sepenuhnya, tetapi masih berterusan seperti hubungan ibu bapa, adik beradik dan anak-anak. Namun sebagai seorang Muslim perlu difahami setiap panduan syarak tentang hukum berkaitan melibatkan interaksi dengan keluarga bukan Islam, antaranya seperti hukum menyertai sambutan perayaan agama bukan Islam.

Setiap agama mempunyai sambutan perayaan tersendiri untuk diraikan oleh penganut agama masing-masing. Bagi orang Islam sambutan perayaan adalah seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha, masyarakat India dengan sambutan Deepavali dan masyarakat Cina dengan sambutan Tahun Baru Cina. Fenomena perayaan ini kebiasaan dihadiri oleh ahli keluarga, sahabat handai walaupun berlainan agama berkumpul sama-sama meraikannya. Lazimnya terdapat mualaf yang akan pulang ke rumah ahli keluarga yang bukan

Islam, untuk meraikan perayaan mereka sama ada berbentuk kebudayaan atau keagamaan.

Dalam Islam terdapat hukum-hukum yang telah ditetapkan berkenaan penglibatan mualaf dalam perayaan agama ahli keluarga bukan Islam mereka. Para fuqaha telah ijmak bahawa umat Islam diharamkan menyambut perayaan agama orang bukan Islam yang berbentuk keagamaan (al-Shafī 1990, Ibn al-Qayyim t.th, Ibn Qudāmah 1994). Antara dalil pengharaman menyertai sambutan perayaan keagamaan bukan Islam ialah berdasarkan firman Allah SWT surah al-Furqan 25:72:

“... dan (hamba-hamba al-Rahman itu) mereka tidak menghadiri al-Zur dan apabila mereka melintas dengan perkara yang sia-sia mereka lalu dengan penuh kemuliaan”.

Menurut al-Qurtūbī (1964) ayat ini menceritakan sifat-sifat ‘Ibad al-Rahman atau hamba al-Rahman’ iaitu orang mukmin sejati. Antara sifat mereka ialah tidak menghadiri al-Zur. Kalimah al-Zur asalnya bermakna segala perkara batil dan dusta tetapi diperlihatkan seakan-akan elok. Adapun Ibnu Abbas, Abu al-‘Aliah, Towus, Ibn Sirin, al-Dhahak, al-Rabie’ bin Anas dan ramai lagi bahawa yang dimaksudkan al-Zur ialah ‘Perayaan-perayaan Musyrikin’ (Ibn Kathīr 1999).

Selain itu, menyambut perayaan mereka termasuk dalam maksud *tasyabbuh* (menyerupai) dengan agama lain yang diharamkan oleh syarak seperti hadis Nabi SAW:

Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah daripada mereka

(Abu Daud 4031)

Bagaimanapun, menurut Basri (2010) melihat kepada realiti di Malaysia terdapat umat Islam yang menyambut perayaan bukan Islam, tetapi mestilah dalam batas-batas yang dibenarkan oleh syarak. Apatah lagi umat Islam dituntut menzahirkan kebaikkan dan kesederhanaan kepada orang bukan Islam. Perkara ini turut disokong Ahmad al-Syarbahi (t.th) yang menyatakan bahawa Islam membenarkan umatnya menyambut perayaan dengan orang bukan Islam sekiranya mereka adalah kenalan, kawan sepejabat, jiran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penyertaan ini mestilah setelah memastikan majlis tersebut tidak bercanggah dengan aqidah atau upacara yang bercanggah dengan syarak seperti terdapat hidangan arak, dadah dan seumpamanya.

Abdul Hayei(t.th) berpandangan jika menyambut perayaan itu bermaksud dengan membenarkan

kekufuran orang bukan Islam dan bermuamalah dengan mereka atas nama agama mereka, ia adalah bercanggah dengan ajaran Islam. Sebaliknya jika hanya merayakan hari kaum lain seperti sekadar bercuti pada hari tersebut atau menyertai mereka atas tujuan merapatkan perhubungan sesama manusia maka ia dibenarkan.

Isu menyertai ataupun meraikan perayaan agama bukan Islam ini dibincangkan juga oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007, menyentuh isu hukum orang Islam menyertai perayaan dan mengucapkan tahniah dan ucapan selamat bersempena perayaan agama bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau iktikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam.

PENSYARIATAN MENGUCAPKAN TAHNIAH ATAU SELAMAT KEPADA PERAYAAN AGAMA BUKAN ISLAM

Amalan yang biasa terjadi dalam kalangan masyarakat apabila tiba musim perayaan adalah mengucapkan selamat atau mengutuskan kad ucapan kepada mereka yang meraikannya. Apatah lagi aktiviti tersebut tidak hanya terhad kepada mereka yang sebangsa atau seagama bahkan melibatkan mereka yang berbeza bangsa dan agama. Mualaf yang telah memeluk Islam akan berhadapan dengan permasalahan hukum sama ada boleh atau tidak memberikan ucapan sempena perayaan yang disambut oleh ahli keluarga bukan Islam.

Para fuqaha berbeza pandangan berkaitan hukum memberi ucapan tahniah kepada penganut agama lain sempena perayaan mereka. Ibnu Qayyim al-Jauziyah (1997) berpandangan bahawa haram mengucapkan selamat atau tahniah kepada orang bukan Islam sempena perayaan keagamaan yang ‘dikhususkan’ kepada mereka. Walaupun dengan ucapan tersebut penutur tidak menjadi kafir, namun ia tetap dalam perkara yang dilarang oleh syarak dan

perbuatan itu seumpama sujud kepada salib. Bahkan ucapan itu juga lebih besar dosa dan kemurkaannya berbanding dengan meminum arak, membunuh orang yang tidak berdosa dan berzina. Begitu juga, orang Islam diharamkan memenuhi jemputan mereka sempena perayaan. Memenuhi jemputan tersebut seolah-olah bersekutu dan redha dengan perbuatan mereka. Rasulullah SAW mengharamkan umat Islam menyerupai kaum lain seperti mana hadisnya:

Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah daripada mereka

(Abu Daud 4031)

Namun Yusuf al-Qardhāwī (2001) berpandangan harus bagi orang Islam atau mana-mana pertubuhan Islam mengucapkan tahniah kepada bukan Islam sempena sambutan perayaan keagamaan mereka seperti Krismas. Ucapan itu boleh dilakukan melalui pertuturan atau kad ucapan, namun mestilah ucapan tersebut tidak mengandungi syiar atau ibarat keagamaan yang bertentangan dengan syarak seperti lambang salib dan seumpamanya. Kalimah yang digunakan dalam ucapan itu juga hendaklah tidak mengandungi unsur reda atau mengiktiraf agama mereka, bahkan bertujuan semata-mata mengambil hati orang yang ditujukan ucapan.

Ini juga selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang mengharuskannya tertakluk kepada syarat tidak sehingga memuliakan agama lain dan menggunakan simbol agama lain, seperti berikut:

Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mail atau sistem pesanan ringkas (sms) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

Keharusan mengucapkan tahniah kepada bukan Islam lebih perlu jika bukan Islam tersebut sering atau pernah mengucapkan tahniah kepada orang Islam sempena perayaan Islam. Ini kerana orang Islam diperintahkan supaya membalaik kebaikan orang lain dengan kebaikan dan membalaik ucapan orang lain dengan ucapan yang lebih baik (Sarip Abdul 2015), seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa 4:86.

“... dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah SWT sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”

Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau iktikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam. Walau bagaimanapun sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan. Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mail atau sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya kepada bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

PENSYARIATAN MEMBERI HADIAH KEPADA AHLI KELUARGA BUKAN ISLAM SEMASA SAMBUTAN PERAYAAN AGAMA

Budaya memberi hadiah merupakan salah satu interaksi yang boleh terjadi antara mualaf dengan keluarga bukan Islam, terutama ketika sambutan hari perayaan ahli keluarga bukan Islam. Fuqaha telah ijmak bahawa orang Islam tidak boleh memberi hadiah sesuatu barang yang orang Islam sendiri tidak harus memiliki, seperti arak dan babi (al-Bujairamī 1995). Fuqaha sepakat bahawa haram memberi hadiah kepada bukan Islam ketika sambutan perayaan keagamaan mereka kerana dibimbangi akan membawa kepada memuliakan hari perayaan tersebut dan ini boleh membahayakan akidah orang Muslim (al-Buhūtī t.th, Ibn ā Abidīn t.th). Fuqaha telah sepakat bahawa harus memberi hadiah kepada orang bukan Islam sempena perayaan kebudayaan yang tidak berbentuk keagamaan seperti sambutan hari lahir, hari kelahiran anak, hari ketibaan daripada bermusafir dan sebagainya (Ibn ā Abidīn t.th).

Fuqaha berbeza-beza pandangan tentang hukum orang Islam menerima hadiah daripada orang bukan Islam. Al-Shaukāni (1993) menjelaskan bahawa harus menerima hadiah yang diberikan oleh bukan Islam. Menurut Mazhab Shafie sekiranya hadiah

yang diberikan oleh bukan Islam pada ketika aman ia dikira sebagai hadiah dan berhak menerimanya. Adapun hadiah yang diberikan ketika musim perang ia dikira sebagai *ghanimah* dan perlu diagih-agihkan mengikut *asnaf* (al-Khaṭīb al-Sharbīnī 2009, al-Haitami 2014). Pandangan yang mengharuskan ini adalah berdasarkan dalil hadith Nabi SAW:

Daripada Anas bin Malik RA, bahawa seorang wanita Yahudi telah datang menemui Nabi membawa daging kambing yang diracuni. Lalu Nabi memakan daripadanya (tanpa disedari ia beracun)

(al-Bukhari 2617)

Seterusnya, al-Mubārakafūri (t.th) pula mengatakan tidak harus menerima hadiah daripada orang bukan Islam, namun sekiranya terdapat maslahat khusus atau umum kerana mengambil hadiah itu, maka diharuskan untuk menerima hadiah tersebut. Ini berdasarkan hadith Nabi SAW:

Dari ‘Iyad bin Himar telah berkata: “Aku telah menghadiahkan kepada Nabi unta”. Ia bertanya: “Adakah engkau telah masuk Islam?”. Maka aku berkata: “belum”. Maka telah berkata Nabi: “Sesungguhnya aku ditegah menerima hadiah orang-orang Musyrik”

(Abu Daud 3057)

Selain itu, al-Tahāwī (1494) dan Ibn Qayyim (1991) berpendapat harus menerima hadiah daripada ahli kitab dan haram menerima hadiah yang diberikan orang kafir selain ahli kitab. Ini adalah berdasarkan dalil yang digunakan oleh pendapat pertama dan kedua.

Kesimpulanya, berdasarkan hukum memberi dan menerima hadiah yang dibincangkan, pengkaji cederung kepada pendapat yang mengharuskan memberi hadiah kepada bukan Islam dan menerima hadiah daripada bukan Islam kerana ia boleh dijadikan sebagai galakan kepada bukan Islam terutama ahli keluarga dan itu juga merupakan salah satu dakwah supaya Islam lebih berkembang. Namun keharusan itu mestilah terikat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

METODOLOGI

Kajian ini adalah bersifat kualitatif melalui kajian analisis kandungan dan kajian temu bual. Responden kajian dipilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*) yang mempunyai ciri-ciri berikut; dalam kalangan mualaf lelaki atau perempuan yang berbangsa India berasal daripada agama Hindu, mengikuti kelas pengajian di Kompleks Darul

Hidayah Kuala Lumpur, telah memeluk Islam dalam tempoh minimum satu tahun. Seramai 20 orang responden dipilih untuk ditemu bual bagi mendapatkan respon berkaitan interaksi mereka

dalam sambutan perayaan agama bukan Islam. Untuk menjaga kerahsiaan responden nama mereka dikod kepada PK1-PK20.

JADUAL 1. Maklumat responden kajian

Bil.	Nama	Agama Asal	Jantina	Tempoh Memeluk Islam
1	PK 1	Hindu	Lelaki	3 Tahun
2	PK 2	Hindu	Lelaki	10 Tahun
3	PK 3	Hindu	Lelaki	4 Tahun
4	PK 4	Hindu	Lelaki	5 Tahun
5	PK 5	Hindu	Lelaki	20 Tahun
6	PK 6	Hindu	Perempuan	4 Tahun
7	PK 7	Hindu	Lelaki	4 Tahun
8	PK 8	Hindu	Perempuan	1 Tahun
9	PK 9	Hindu	Perempuan	11 Tahun
10	PK 10	Hindu	Lelaki	1 Tahun
11	PK 11	Hindu	Perempuan	1 Tahun
12	PK 12	Hindu	Lelaki	1 Tahun
13	PK 13	Hindu	Perempuan	1 Tahun
14	PK 14	Hindu	Lelaki	13 Tahun
15	PK 15	Hindu	Perempuan	5 Tahun
16	PK 16	Hindu	Lelaki	4 Tahun
17	PK 17	Hindu	Perempuan	4 Tahun
18	PK 18	Hindu	Lelaki	10 Tahun
19	PK 19	Hindu	Lelaki	30 Tahun
20	PK 20	Hindu	Lelaki	31 Tahun

Kaedah temubual dilakukan dengan mengajukan beberapa soalan untuk dijawab oleh responden. Soalan-soalan berkenaan adalah berkaitan dengan perbuatan dan cara mualaf berdepan dengan ahli keluarga bukan Islam ketika menziarahi perayaan. Soalan-soalan yang diajukan dapat dijawab sengaja mudah oleh responden dan jika responden kurang memahami soalan, maksud soalah tersebut dijelaskan agar jawapan yang adil dan betul diperolehi daripada responden. Setiap temu bual partisipan dirakam menggunakan audio. Hasil temubual tersebut kemudiannya dilakukan transkripsi verbatim secara manual dan dilakukan pengekodan yang kemudiannya menghasilkan tema-tema berkaitan interaksi mualaf India bersama ahli keluarga bukan Islam semasa sambutan hari perayaan.

AMALAN PERAYAAN MASYARAKAT INDIA

Dalam masyarakat India terdapat pelbagai jenis perayaan. Mereka merayakannya dengan penuh

meriah dan rasa bangga. Di Malaysia, kaum India menyambut dua perayaan yang amat terkenal iaitu Thaipusam dan Deepavali. Deepavali merupakan perayaan terpenting dalam masyarakat Hindu. Perkataan Deepavali berasal dari *dipa* yang bermaksud lampu dan *gavali* bermaksud baris. Berdasarkan kepada makna perkataan itu, lebih tepat lagi dikatakan bahawa perayaan Deepavali adalah perayaan cahaya. Masyarakat Hindu juga akan menerangi rumah mereka dengan kerlipan cahaya lampu yang pelbagai warna. Perayaan Deepavali juga adalah sempena meraikan kemenangan buat nafsu baik yang mengatasi kejahanatan. Cahaya yang menerangi di dalam kegelapan mereka (Zawiah Ahmad et al. 2005).

Menurut Zawiah Ahmad et al. (2005) sebelum menjelangnya hari Deepavali, rumah akan dibersihkan terlebih dahulu. Persekutaran rumah juga akan diterangi dengan cahaya lampu yang dipasang. Mereka menyambut perayaan ini dengan berpakaian baru dan menuju ke kuil untuk upacara sembahyang. Kebiasaan perayaan Deepavali dimulakan pada

awal pagi, ia dimulakan dengan mandi minyak meliputi seluruh badan dan kepala yang dipercayai akan menghapus dosa (jkkn.gov.my).

Hasil temu bual bersama informan menunjukkan amalan sambutan Hari Deepavali masyarakat Hindu adalah seperti yang dikongsikan oleh PK 1 dan PK 3, iaitu selalunya apabila tiba hari Deepavali ahli keluarga akan bangun seawal pagi. Menurut PK 1 sekitar pukul 5 ke pukul 6 pagi untuk upacara mandi minyak. Sepertimana kenyataan PK 1 dan PK 3 (2019):

“Pagi-pagi pukul 6.00 pukul 5.30 pagi mak bapak family semua bawa anak bagi mandi minyak dia bagi minyak taruk dekat kepala...buat *massage*...” (PK 1)

“Kalau orang dulu-dulu...diaorang akan bangun pagi, mandi minyak kelapa...habis tu, sarapan semua dengan *family*...ziarah menziarahi” (PK 3)

Selepas selesai segala upacara mandi minyak, mereka akan sembahyang memohon keampunan daripada Tuhan Laskhmi iaitu Tuhan kesihatan (Zawiah Ahmad et al 2005). Setelah selesai semuanya, amalan ziarah menziarahi serta menghidangkan juadah turut dilakukan didalam masyarakat India sewaktu perayaan Deepavali. Sepertimana kenyataan PK 2 dan PK 7 (2019):

“Amalan macam biasa...pergi letak minyak pergi ke kuil sembahyang datang rumah hidang bagi tetamu yang hadir...ziarah menziarahi” (PK 2)

“Dia orang pergi sembahyang...dia orang pergi kuil, lepas tu dia orang di rumah bagi makan, ziarah semua” (PK 7)

Selain itu, menurut PK 1 malam sebelum Deepavali orang India akan melakukan sembahyang dirumahnya untuk orang yang dah meninggal. Ini kerana mereka percaya roh orang yang dah meninggal akan sentiasa berdoa untuk ahli keluarganya. Perkara ini dinyatakan melalui kenyataan PK 1 (2019):

“Kalau esok Deepavali...malam biasa orang India agama Hindu dia akan sembahyang dekat rumah bagi orang yang dah meninggal...kepercayaan dalam agama Hindu roh orang yang meninggal akan pergi dekat atas dia akan doa untuk kerabat dia” (PK 1)

Kesimpulannya, Deepavali adalah perayaan tradisi bagi penganut agama Hindu merupakan hari besar untuk mereka. Dalam perayaan Deepavali semestinya mempunyai pelbagai amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti upacara sembahyan, memohon keampunan kepada roh ahli keluarga yang sudah meninggal, dan sebagainya. Bagaimanapun terdapat juga amalan-amalan sosial seperti ziarah menziarahi, menjamu selera dan sebagainya.

Thaipusam pula adalah perayaan untuk menghapuskan dosa-dosa yang telah dilakukan di dunia (jkkn.gov.my). Thaipusam jatuh pada bulan purnama ia disambut secara besar-besaran di Batu Caves, kuil di jalan Waterfall, Pulau Pinang dan di Sungai petani. Ketika perayaan berlangsung, kebanyakan masyarakat India membayar nazar dan membuat persembahan kepada dewa-dewa. Bahan persembahan yang menjadi kewajipan mereka adalah seperti susu lembu, madu, buah-buahan dan bunga-bunga sambal menyanyi lagu-lagu keagamaan (Zawiah Ahmad et al. 2005).

Menurut sumber laman sesawang Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) tidak semua orang India menyambut Thaipusam atau melakukan nazar. Bernazar dan menunaikan nazar adalah amalan dasar dalam menyambut perayaan Thaipusam. Selalunya penganut agama Hindu akan bernazar atas pelbagai sebab. Antaranya memenuhi keperluan diri, keluarga dan sanak saudara.

Sebagai menunaikan nazar beberapa perkara perlu dilakukan. Antara yang penting ialah pengambilan *kavadi*, menderma serta mencukur kepala (M. Rajantheran et al. 1994). Kenyataan yang sama turut dikongsikan oleh PK 2 (2019) sebagaimana berikut:

“Dia orang simpan nazar dan tunaikan nazar...macam berjaya dalam pelajaran ke berjaya dalam perniagaan ke...so dia nak cukur rambut boleh nazar tu, atau ambil papadom...atau yang paling terkenal ambil *kavadi*...dia kena ambil *kavadi* naik sampai 232 tangga tunaikan nazar dekat sana lepastu dia akan turun balik” (PK 2)

Kesimpulannya, perayaan Thaipusam boleh disifatkan sebagai perayaan menunaikan nazar kepada Dewa Marugan (M. Rajantheran et al. 1994). Zawiah Ahmat et al. (2005) juga menjelaskan bahawa hari Thaipusam lebih berunsurkan acara keagamaan dan bukan pesta makan atau perjumpaan sosial.

INTERAKSI MUALAF INDIA TERHADAP SAMBUTAN PERAYAAN AGAMA HINDU

Setiap agama mempunyai perayaan sendiri dan disambut pada tarikh-tarikh tertentu setiap tahun. Justeru, bagi masyarakat India antara perayaan utama yang akan disambut setiap tahun adalah perayaan Deepavali dan Thaipusam. Isu timbul berkenaan interaksi mualaf dengan ahli keluarga apabila tibanya hari perayaan tersebut. Adakah semasa pasca konversi mualaf masih menyambut

perayaan keagamaan agama Hindu bersama ahli keluarga bukan Islam mereka?

Hasil temu bual mendapati selepas pemelukan Islam sebahagian mualaf India masih menyambut perayaan keluarga bukan Islam seperti biasa. Kehadiran mereka adalah untuk memeriahkan lagi suasana perayaan ahli keluarga asal. Terdapat beberapa perkongsian dari responden yang menunjukkan masih hadir seperti biasa ketika menjelang hari perayaan, seperti mana dikongsi oleh PK 1, PK 2, PK 8 dan PK 14 (2019):

“Saya ada pergi macam biasa waktu Deepavali” (PK 1)
 “Kita akan hadir untuk memeriahkan lagi” (PK 2)
 “Saya ada ziarah pada hari raya” (PK 8)
 “Hari Raya Deepavali saya masih pergi, saya *still* balik rumah” (PK 14)

Biarpun begitu, terdapat juga mualaf telah melakukan sedikit perubahan sewaktu menghadiri perayaan ahli keluarga bukan Islam, iaitu tidak melakukan sebarang upacara-upacara amalan penganut agama Hindu seperti sembahyang yang pernah dilakukan sebelum memeluk Islam, seperti penjelasan PK 4, PK 11, PK 12 dan PK 18 (2019) dibawah:

“Selepas masuk Islam saya hanya ziarah sahaja” (PK 4)
 “Pergi jenguk mereka meramah mesra macam biasa...Cuma tidak buat upacara sembahyang mereka...tidak bergabung la dalam upacara yang dulu saya pernah buat” (PK 11)
 “Saya pergi sambut hanya luangkan masa bersama keluarga tetapi saya tak buat apa yang mereka buat sebab saya sudah tidak mempunyai kepercayaan seperti mereka” (PK 12)
 “Saya ziarah saja...sudah tak buat yang mereka buat” (PK 18)

Kenyataan tersebut turut disokong oleh PK 16 menurut beliau ketika sambutan perayaan hanya sekadar menziarahi ahli keluarga sahaja, tanpa melibatkan diri dalam upacara sembahyang yang dilakukan oleh ahli keluarga bukan Islam. Sewaktu perayaan upacara sembahyang kepada orang yang meninggal dunia akan dilakukan sememangnya PK 16 sudah tidak lagi melakukan upacara tersebut. Bahkan sifat kesedaran memahami larangan syarak itu turut dikongsikan kepada anaknya iaitu beliau turut berpesan supaya tidak turut serta dalam upacara tersebut. Pengalaman ini dikongsi oleh PK 16 (2019) seperti berikut:

“Waktu perayaan dia ada sembahyang untuk yang dah meninggal dunia saya cuma pergi sahaja, saya bagitahu anak-anak jangan buat apa-apa...tengok saja apa yang diaorang buat” (PK 16)

Seterusnya, terdapat mualaf yang hadir sehari sebelum perayaan Deepavali. Menurut PK 10 beliau

akan turut serta sewaktu ahli keluarga membuat makan malam dan berkumpul bersama-sama seperti yang ceritakan dibawah:

“Selepas saya dah masuk Islam, pertama Deepavali saya macam biasa pergi rumah, sehari sebelum Deepavali dia akan ada makan malam, berkumpul adik beradik, saya pun *join* duduk makan-makan dengan *family* dan saya akan balik semula kerumah.” (PK 10)

Berbeza dengan PK 19 yang beranggapan bahawa sambutan Deepavali itu adalah amalan sembahyan bagi pengikut agama Hindu. Rentetan itu menurut PK 19 beliau mengambil inisiatif akan pulang ke rumah ahli keluarga bukan Islam, sehari sebelum Deepavali dan akan keluar sebelum makan malam, untuk mengelak daripada terlibat dengan upacara perayaan tersebut. Sebagai mana diceritakan oleh PK 19 (2019):

“Saya biasa pergi sehari sebelum Deepavali dan saya akan keluar sebelum makan malam sebab benda tu merupakan perkara sembahyan” (PK 19)

Selain itu, terdapat juga amalan sesama mereka yang saling berkongsi perayaan antara mualaf dan ahli keluarga bukan Islam. Menurut PK 6 apabila tibanya hari Raya Aidilfitri beliau akan menjemput ahli keluarga bukan Islam datang ke rumah. Sebaliknya apabila tiba perayaan Deepavali pula beliau akan pulang ke rumah ahli keluarga. Sepertimana kenyataan PK 6 (2019):

“Kalau hari raya saya jemput diaorang semua datang rumah... kalau hari deepavali saya pergi ke rumah diaorang” (PK 6)

Sudah menjadi kebiasaan bagi umat manusia apabila berkunjung ke rumah ahli keluarga pada hari perayaan membawa buah tangan seperti buah-buahan atau hadiah untuk ahli keluarga. Ternyata mualaf India juga melakukan perkara yang sama iaitu membawa buah-buahan atau ‘hamper’ sewaktu berkunjung ke rumah ahli keluarga bukan Islam pada perayaan Deepavali. Seperti kenyataan dari PK 17 (2019) di bawah:

“Deepavali saya ziarah bawa buah-buahan, macam rumah kakak saya ada anak kecil so saya bawa hamper yang saya mampu.” (PK 17)

Selanjutnya, terdapat mualaf yang hanya akan pulang ke rumah ahli keluarga untuk menyambut perayaan sekiranya dihubungi oleh pihak keluarga, sebagaimana perkongsian oleh PK 13 (2019):

“Dia orang panggil saya pergi la bawa apa-apa bagi hadiah pada dia orang” (PK 13)

Kenyataan ini turut disokong oleh PK 7 yang mana beliau turut melakukan perkara sama seperti PK 13. Menurutnya apabila ahli keluarga menghubunginya semasa perayaan Deepavali beliau akan pergi. Kehadiranya tidaklah bermaksud menyambut perayaan tersebut secara langsung. Namun hanya sekadar ziarah dan berkumpul bersama ahli keluarga. Beliau juga tidak melakukan sebarang adat-adat yang dilakukan oleh keluarga bukan Islam, sebagaimana dijelaskan oleh PK 7 (2019):

“Deepavali ni saya pergi macam kalau saudara panggil pergi...nak kata sambut tak la...pergi hemmm...bersama mereka la makan minum ziarah macam tu saja la...tak ada la sampai macam ikut apa yang mereka buat adat-adat tu, saya tak buat la” (PK 7)

Perkongsian dari PK 20 pula seorang mualaf yang sudah memeluk Islam selama 31 tahun, beliau menceritakan bahawa sambutan perayaan ketika ibu bapanya masih hidup beliau akan pulang menyambut perayaan Deepavali, namun sebaliknya apabila kedua ibu bapanya sudah meninggal dunia sambutan perayaan bergantung kepada peranan ahli keluarga masing-masing iaitu sekiranya ahli keluarga membuat jamuan sempena perayaan maka beliau akan turut hadir. Seperti diceritakan oleh PK 20 (2019):

“Kalau Deepavali waktu dulu mak ayah saya ada saya balik la, tapi sekarang dah meninggal...ikatan keluarga pun dengan keluarga masing-masing lah, kalau dia orang buat jamuan waktu perayaan kita pergi la berkumpul” (PK 20)

Menurut PK 18 pula, sememangnya beliau sudah tidak menyambut perayaan ahli keluarga bukan Islam, namun ibu bapa dan adik beradiknya yang sudah memeluk Islam masih menyambut perayaan ahli keluarga bukan Islam. Sepertimana kenyataan dari PK 18 (2019):

“Selalunya mak dan ayah dan adik beradik saja terlibat, saya sudah tidak terlibat” (PK 18)

Biarpun sebahagian responden masih lagi mengunjungi ahli keluarga ketika perayaan, ternyata hasil temu bual juga mendapati selepas pemelukkan Islam, terdapat mualaf India sudah tidak lagi menyambut perayaan ahli keluarga bukan Islam. Seperti kenyataan PK 5 dan PK 15 (2019):

“I tak nak pernah menghadiri, I tak nak menyusahkan dia orang” (PK 5)

“Saya tak pernah sambut selepas peluk Islam sampai sekarang saya tak sambut” (PK 15)

Perkara ini turut diakui oleh PK 9. Pun begitu, menurut PK 9 beliau bukan sahaja sudah tidak menyambut perayaan Deepavali. Bahkan lebih memilih untuk meluangkan masa dirumah. Alasanya adalah kerana ahli keluarga bukan Islam sudah tidak menghubunginya apabila tibanya hari perayaan sebagaimana perkongsian PK 9 (2019):

“Deepavali tak ada la saya sendiri duduk rumah saja jaga cucu...adik-adik semua tak ada panggil saya...Cuma kakak kristian saja panggil saya” (PK 9)

Selain itu, oleh kerana ahli keluarga masih enggan menerima pemelukan Islam juga menyebabkan mualaf tidak dapat berkunjung ke rumah ahli keluarga apabila tiba hari perayaan. Menurut PK 3 hanya ayahnya yang menerima beliau memeluk Islam, sebaliknya ahli keluarga yang masih belum menerima termasuk ibunya. Justeru apabila tibanya hari raya responden memilih untuk bertemu ayahnya diluar. Seperti kenyataan dari PK 3 (2019):

“Saya tak ziarah, jumpa ayah je kat luar...mak tak jumpa sebab mak tak boleh terima lagi” (PK 3)

Berdasarkan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa mualaf India masih menyambut perayaan ahli keluarga bukan Islam tetapi sudah tidak melakukan sebarang upacara yang ditegahkan oleh syarak. Selaras dengan kajian Razaleigh Muhamat (2014) membuktikan bahawa masih terdapat mualaf yang beramal dengan adat istiadat lama keluarga bukan Islam yang tidak bercanggah dengan Islam. Begitu juga tindakan yang dilakukan oleh mualaf sekadar untuk berbuat baik dan meneruskan interaksi kekeluargaan, bertepatan dengan tindakan Rasulullah SAW yang masih berbuat baik dengan orang bukan Islam dan mengamanahkan mereka dengan tugasannya tertentu (al-Qaradawi 2002).

Dapatkan juga menunjukkan sikap pro aktif yang telah ditonjolkan oleh mualaf menerusi sambutan perayaan keluarga bukan Islam. Hal ini dilihat bagaimana usaha mualaf menziarahi keluarganya ketika sambutan perayaan dengan memeriahkan lagi suasana iaitu membawa hadiah untuk ahli keluarga. Disamping terdapat juga mualaf yang menjadikan hari perayaan sebagai peluang untuk mengeratkan

kembali hubungan kekeluargaan. Sehinggakan wujudnya hubungan saling berkongsi menyambut perayaan mualaf dan keluarga bukan Islam. Hal ini juga bertepatan kajian yang dihasilkan oleh Azarudin Awang (2015) sekalipun wujud batas-batas agama dalam meraikan perayaan, sikap perihatin terhadap dialog kehidupan melalui sambutan perayaan ini dijelaskan bermatlamatkan menjaga hubungan persaudaraan dan memperbetulkan salah faham terhadap Islam. Menurut Khadijah Mohd Khambali et al. (2017) amalan tolenrasi mencipta impak yang positif kepada kedua-dua belah pihak yang diserahkan secara semula jadi melalui praktis agama dan perkongsian budaya. Matlamat utama untuk tolenrasi intra-etnik ini ialah memberi kefahaman kepada keluarga asal tentang nilai agama Islam yang sebenar, selain selain masih ada budaya-budaya asal yang boleh diaplikasi secara bersama.

Hakikatnya akhlak yang baik yang dipaparkan kepada keluarga bukan Islam melalui sambutan perayaan mampu menjadikan medium dakwah kepada keluarga bukan Islam. Menurut Khadijah Mohd Khambali & Nur Hidayah (2020) Pengalaman dan aplikasi dialog kehidupan yang disulami dengan keperibadian mulia mualaf terhadap keluarga asal mereka memainkan peranan utama dalam konteks kelestarian perpaduan dan keharmonian. Ini bermakna pembinaan hubungan mualaf dan keluarga asal *non-Muslim* pada era pasca konversi dilihat berubah-ubah mengikut masa dan keadaan dan banyak bergantung kepada pengaplikasian bentuk dialog kehidupan dan interaksi yang diteraskan kepada prinsip asas dalam Islam. Rentetan itu, Azarudin Awang (2015) telah membuktikan pengamalan dialog kehidupan selepas pemelukan Islam yang diserahkan oleh mualaf dalam bentuk akhlak mulia, *tasamuh* dan *mahabbah* mendorong keluarga asal bersifat berlapang dada bahkan terus memberi sokongan padu kepada mualaf.

Dalam aspek pemberian hadiah pula, sebahagian mereka membawa hadiah untuk diberikan kepada kaum keluarga bukan Islam semasa sambutan hari perayaan. Amalan ini perlu dijelaskan hukum mengikut keadaan. Pada asasnya Islam mengharuskan memberi hadiah sempena sambutan perayaan yang tidak berkaitan dengan agama sahaja. Namun sekiranya berkait dengan agama maka ianya diharamkan (Ibn Ḥāfiẓ t.th). Dalam konteks kajian ini melalui hasil kajian dapat dilihat pemberian hadiah oleh mualaf bukanlah semata-mata membenarkan syiar agama lain atau meraikan perayaan keagamaan mereka. Namun ianya lebih

kepada tidak mengambil hati ahli keluarga. Oleh itu pengkaji melihat pemberian hadiah itu bertujuan mengeratkan hubungan keluarga maka diharuskan. Realiti yang berlaku di Malaysia pada hari ini perbuatan memberi hadiah itu lebih kepada amalan tradisi (Basri Ibrahim t.th). Berdasarkan catatan sejarah, A'isyah R.A. pernah ditanya tentang pengikut agama Majusi yang memberi hadiah kepada umat Islam pada hari-hari perayaan mereka. A'isyah R.A. membenarkan orang-orang Islam mengambilnya kalau berbentuk buah-buahan tetapi melarang mengambil daging binatang sembelihan (Ibn Taimiyyah 1420H)

Biarpun begitu terdapat juga mualaf yang sudah tidak lagi menyambut perayaan ahli keluarga bukan Islam. Keenggan mualaf menyambut perayaan keluarga asal adalah lebih kepada sikap 'berhati-hati' dan konflik dalam hubungan keluarga yang belum dapat menerima pemelukan Islam. Bagaimanapun kajian melihat sekiranya mualaf memahami dengan baik had batasan sebagai seorang Muslim ketika menghadiri sambutan perayaan agama lain tidak menjadi masalah. Bahkan tidak mustahil mampu menjernihkan kembali hubungan yang keruh. Menurut Khadijah Mohd Khambali & Nur Hidayah (2020) amat wajar masyarakat mualaf memanifestasikan jiwa merdeka dan akhlak mulianya dalam mengeratkan lagi hubungan antara umat beragama khususnya antara keluarga asal dan keluarga baru Muslim yang mengakar kepada ajaran dan budaya Islam. Membina persefahaman berkaitan latar budaya dan agama sangat penting dalam menghasilkan asas hubungan yang lebih harmoni, saling menghormati dan bertolenrasi. Bagi merealisasikan hubungan pembinaan asas hubungan yang baik mualaf perlu merungkai salah faham dan perasaan yang bersarang dalam fikiran keluarga asal mereka. (Khairul Azhar 2019).

Secara keseluruhan boleh dinyatakan bahawa sambutan perayaan mualaf India dengan keluarga bukan Islam adalah bergantung bagaimana cara mualaf melakukan interaksi tersebut mengikut kreativiti diri mualaf sendiri. Interaksi yang terjadi dalam kajian ini antara mualaf India dan keluarga bukan Islam semasa sambutan perayaan dilihat mengikut kerangka asas syariat Islam, bahkan interaksi ini boleh dijalankan dengan baik berdasar had batasan syarak. Hal ini juga menunjukkan bahawa mereka telah memahami halal haram yang disyariatkan oleh Islam dalam menjalin hubungan interaksi kekeluargaan antara orang Islam dengan bukan Islam. Sekaligus mampu

menjadi penjana interaksi dan tolenrasi beragama. Hal ini menunjukkan mualaf juga memainkan peranan dalam melestarikan hubungan pemupukan khususnya hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia (Khadijah Mohd Khambali et al. 2017).

KESIMPULAN

Islam menggalakkan kelangsungan interaksi kekeluargaan yang baik antara Mualaf dengan kaum keluarga bukan Islam. Hal ini terbukti melalui amalan Rasulullah SAW yang berbuat baik dan mengekalkan silaturrahim dengan ahli keluarganya yang tidak memeluk agama Islam. Namun dalam isu menyertai perayaan ahli keluarga bukan Islam, hukum Islam telah menggariskan perkara halal haram yang perlu dipatuhi bertujuan memastikan aqidah umat Islam dan mualaf terpelihara. Oleh itu diharamkan untuk orang Islam dan mualaf terlibat dalam akiviti perayaan agama bukan Islam yang melibatkan aspek kepercayaan agama dan membentarkan syiar mereka kerana ia bertentangan dengan syarak. Namun disebalik ketegasan prinsip agama Islam, masih terdapat ruang yang dibenarkan oleh syarak untuk mualaf menghadiri perayaan keluarga bukan Islam. Kebenaran yang diberikan bukan semata-mata untuk mualaf menziarahi ahli keluarga sahaja. Bahkan boleh dijadikan sebagai peluang dakwah dan memberi kefahaman kepada ahli keluarga bukan Islam bahawa pertukaran agama tidak memutuskan hubungan silaturrahim.

Analisis terhadap penglibatan mualaf India berkaitan penyertaan mereka dalam perayaan Deepavali dan Thaipusam bersama ahli keluarga bukan Islam, berdasarkan temu bual kajian ini mendapati mereka hanya menziarahi ahli keluarga bukan Islam semasa hari perayaan tetapi tidak menyertai sebarang upacara keagamaan agama Hindu. Terdapat juga mualaf India yang sudah tidak menyertai sambutan perayaan tersebut dengan cara tidak berhubungan dan tidak menziarahi ahli keluarga bukan Islam mereka. Oleh itu keperluan mualaf menjalankan interaksi ketika perayaan dengan ahli keluarga bukan Islam melalui garis panduan yang ditetapkan oleh syarak wajar dipraktikan, sebagai langkah untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan disamping mengembangkan agama Islam itu sendiri.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kod Geran GUP-2016-017, Geran Universiti Penyelidikan (GUP)

Pembinaan Modul Literasi Undang-undang Untuk Mualaf Berkenaan Hak dan Implikasi Perundangan Akibat Pemelukan Islam.

RUJUKAN

- Al-Qurān Karīm
- Abdul Haye Syukor. t.th. *Hukum Merayakan Perayaan Kaum-kaum Bukan Islam*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad al-Syarbashi. t.th. *Yas'alunaka Fid Din Walhayah*. Beirut: Dar al-Jail.
- Anuar Puteh. 2002. Saudara Baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam konteks dakwah. Dlm. Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia. Sulaiman Ibrahim, Othman Talib & Anuar Puteh. Hlm. 133. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Azaruddin bin Awang. 2015. *Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Terengganu Sebelum dan Selepas Konversi*. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Azaruddin Awang dan Khadijah Mohd Khambali@ Hambali, 2015. Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina Di Terengganu. *MANU Bil. 22, 21-45*.
- Azaruddin Awang, Che Zuaina Ismail, Wahairi Mahmud. 2017. Isu-Isu Pemakanan Halal: Kajian Kes Dalam Hubungan Komuniti Saudara Baru dan Bukan Muslim di Negeri Terengganu.
- al-Bahūtī, Mansur bin Yunus. t.th. *Kashshāf al-Qinā‘ an Matan al-Iqnā‘*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmīyah.
- al-Bujairamī, Sulaiman bin Muhammad. 1995. *Tuhfat al-Habīb ‘alā al-Khatīb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Basri Ibrahim, 2010. Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Perayaan Bukan Islam Dalam Konteks Malaysia. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari Jld. 3, 2010, 7796*.
- al-Haitamī, Ibn Hajar. 2014. *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharh al-Minhāj*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Ibn ‘Abidīn, ‘alā al-Deen. t.th. *Qurratu Ain al-Akhyaṛ Li Takmilat Rad al-Muhtār*. Beirut: Dar al- Fikr.
- Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar. 1999. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Beirut Dar Tibah.
- Ibn Taymiyyati, Taqiy al-Din Ahmad 1420H. *Iqtida’ al-Sirat al-Mustaqim, Fi Mukhlafah Ashab al-Jahim*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Indrati Endang Mulyaningsih, 2014. Pengaruh Interaksi Sosial Keluarga, Motivasi Belajar, Dan Kemandirian Belajar Terhadap Prestasi Belajar. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan, Vol. 20, Nomor 4*.
- Jabatan Kesenaan Kebudayaan Negara (JKKN). [http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-india-0-\[23/4/2019\].](http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-india-0-[23/4/2019].)
- al-Jauzīyah, Ibn Qayyim. 1991. *I‘lām al-Muwwaqi‘īn an Rabb al-‘Alamīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Jauzīyah, Ibn Qayyim. t.th. *Ighāthat al-Lutfan*. Riyad: Maktabah Ma‘arif.

- al-Jauzīyah, Ibn Qayyim. 1997. *Ahkām Ahli al-Dzimmah*. Dhamam: Ramādī li al-Nashr.
- Khaṭib al-Sharbī. 2009. *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifat Ma‘ani Alfāz al-Minhaj*. Beirut: Darul Fikr.
- Khairul Azhar Meerangani et al.. 2018. Prinsip Asas Interaksi Inter-Agama di Malaysia Menurut Perspektif Islam. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan*, 872-875.
- Khadijah Mohd Khambali et al.. 2017. Muhajir Penjana Interaksi dan Tolerasi Beragama Saudara Baru Muslim-Non Muslim. *Akademika* 87(2), Julai 2017:63-76.
- Khadijah Mohd Khambali & Nur Hidayah Mohd Paudzi. 2020. *Mualaf Lestari Etnik Malaysia*. <https://umexpert.um.edu.my>. [20/11/2020].
- Latifah Abdul Aziz, 2012. *Pemelukan Islam Salah Seorang Pasangan Perkahwinan Sivil dan Implikasi Terhadap Hak Hadanah*. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Maqdisī, Ibn Quḍāmah. 1994. *al-Kāfi fi Fiqh al-Imām Ahmad*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmīyah.
- Mar’at. 2008. *Sikap Manusia Perubahan Serta Pengukurannya*. Bandung: Ghalia Indonesia.
- Mohd Al Adib Samuri & Azlan Shah Nabee Khan. 2020. Legal Implications of Conversion to Islam on Civil Marriage: Narrative of Converts in Malaysia. *Islāmiyyāt* 42(2) 2020: 103 - 111
- Mohd Farhan Md Ariffin. 2014. larangan Tasyabbuh dan Aplikasinya dalam Interaksi Sosial dengan Orang Bukan Islam di Malaysia Masa Kini. *Prosiding Pemikiran Islam IV*, hlm 72-81
- al-Mubārakafūri, Abdul Rahman t.th. *Tuhfat al-Ahwazī bi Sharḥ Jami‘ al-Tarmidzī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmīyah.
- M. Rajantheran & S. Manimaran. 1994. *Perayaan Orang India*. Selangor: Fajar Bakti.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78. <http://e-smaf.islam.gov.my/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/> 1557. [23/4/2019].
- Norizan Yusof & Nadiyas Elias. Proses Penyesuaian Perubahan yang Dilalui oleh Saudara Muslim: Satu Kajian di Kedah Darul Aman. 2019. *Journal of Sciences and Management Research*. Vol (2) 2018: 61-86.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Solehah Shapiee & Nur A s h i l a h Kahar. 2019. Pendefinisan Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia. *Islāmiyyāt* 41(2) 2019: 61 - 70
- al-Qardawi, Yusuf Bin Abdullah. 2002. *Fiqh Keutamaan: Keutamaan Seorang Muslim*. Selangor : PTS Islamika Sdn. Bhd.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2001. *Liqā ’āt wa Muḥawarāt Haula Qadāya al-Islam Wa al-‘Asr*. Lubnan: Mu’assasah al-Risālah.
- al-Qurtūbī, Muhammad bin Ahmad. 1964. *al-Jāmī Li Aḥkām al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣrīyah.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit & Salawati Saringat, 2014. Dakwah among Indian Mualaf in Malaysia. *Islāmiyyat* 36(2) (2014): 91 – 96.
- Ridzuan Tee Abdullah. 2012. *Cabaran Saudara Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sarip bin Abdul. 2015. *Kefahaman Fiqah Interaksi Kekeluargaan Antara Mualaf dan Ahli Keluarga Bukan Islam di Sabah*. Tesis phd. UKM.
- al-Shaftī, Muhammaad bin Idris. 1990. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- al-Shaukānī, Muḥammad bin ‘Alī. 1993. *Nil al-Aṭār*. Mesir: Dar al-Hadith.
- al-Ṭahāwī, Abu Bakar. 1494H. *Mukhtaṣar Iktilaf al-Ulama*. Beirut: Dar al-Bashir al-Islamiyah.
- Walgitto, B. 2008. *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta: Andi Offset.
- Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil. 2005. *Budaya Masyarakat India*. Kuala Lumpur: Caberawet Publishing.
- Zul Aiman bin Zulkiflee. 2018. *Pembangunan Sahsiah Diri Dalam Kalangan Saudara Baru di Insitiut Dakwah Islamiah perkrim (IDP) Pengakalan Chepa Kota Bharu Kelantan*. Tesis Sarjana UKM.

PENGARANG

Mohd Faqih Baharudin
 Pusat Kajian Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 faqihbaharudin@gmail.com

Zuliza Mohd Kusrin
 Pusat Kajian Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 zuli@ukm.edu.my